



KEMPEN PULANGAN TUNAI RM50 PENDAFTARAN HLB CONNECT

Tempoh Kempen (Dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021)

“Kempen Pulangan Tunai RM50 Pendaftaran HLB Connect” Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) (“Kempen”) bermula pada 1 Mac 2021 dan kini dilanjutkan sehingga 30 Jun 2021 (Tempoh Kempen sebelumnya berakhir pada 30 April 2021), termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka untuk para pelanggan:
 - (i) pemegang Kad Debit HLB/Kad Debit Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau Kad Kredit HLB yang sedia ada sebelum permulaan Tempoh Kempen dan;
 - (ii) tidak mendaftar dengan HLB Connect sebelum Tempoh Kempen.
2. HLB berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisyiharkan muflis sama ada sebelum atau semasa Tempoh Kempen dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir Kad Debit atau Kad Kredit HLB/Kad Debit-i pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen.
3. Pekerja tetap dan pekerja kontrak HLB tidak layak menyertai Kempen ini.
4. Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan yang dinyatakan pada Klausus 1 di atas, (selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan**”) boleh mengambil bahagian dalam Kempen ini dan berpeluang memenangi pulangan tunai sebanyak Lima Puluh Ringgit Malaysia (RM50) (“**Pulangan Tunai**”).

Tatacara Kempen

5. Untuk menyertai Kempen ini:
 - (i) Pelanggan perlu mendaftar untuk HLB Connect melalui pautan ini www.hlb.com.my/reg atau butang pendaftaran atau pautan yang disediakan pada laman web Kempen dan semua komunikasi pemasaran bagi Kempen ini semasa Tempoh Kempen (“**Pendaftaran Connect**”);
 - (ii) Bagi Pendaftaran Connect, Pelanggan perlu mendaftar menggunakan butiran Kad Debit/Debit-i atau Kad Kredit untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau mendapatkan Kod Pengesahan Transaksi (TAC) melalui telefon mudah alih berdaftar untuk melaksanakan pendaftaran Aplikasi HLB Connect; dan
 - (iii) Selepas Pendaftaran Connect berjaya, Pelanggan perlu log masuk ke HLB Connect sekurang-kurangnya satu (1) kali semasa Tempoh Kempen.



Para pelanggan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam Klausus 5 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

6. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini ialah Dua Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM200,000). Pulangan Tunai akan diberikan kepada seramai empat ribu (4,000) Pelanggan yang Layak ("**Pemenang Pulangan Tunai**") mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan di bawah.
7. Setiap Pemenang yang Layak akan menerima hanya satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Kempen ini. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

Kaedah Pemilihan Pemenang

8. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang Pulangan Tunai, HLB akan memperuntukkan nombor siri kepada setiap Pelanggan yang Layak mengikut siapa cepat dia dapat bermula daripada nombor siri "1" sepanjang Tempoh Kempen.
9. Setiap Pelanggan yang Layak ke-25 layak untuk menang Pulangan Tunai dan Pelanggan yang Layak yang memiliki nombor siri berikut akan dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai: **Ke-25, ke-50, ke-75, ke-100, ke-125 dan seterusnya.**

Pembayaran Pulangan Tunai

Tempoh Kempen Awal

10. Bagi Pelanggan yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan antara 1 Mac 2021 dan 30 April 2021 Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan pada 26 Mei 2021 melalui SMS dan/atau e-mel sekiranya mereka terpilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan/Akaun Semasa atau Simpanan Islam ("**CASA/CASA-i**") Pemenang Pulangan Tunai dengan HLB/HLISB pada 30 Jun 2021.
11. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif dengan HLB sehingga 30 Jun 2021. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
12. Pelanggan yang tidak memiliki mana-mana CASA/CASA-i dengan HLB dikehendaki membukanya sebelum 14 Jun 2021 untuk membolehkan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i mereka dengan HLB.
13. Pemenang Pulangan Tunai berwajib untuk menghubungi HLB sebelum 15 Julai 2021 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.

Tempoh Kempen Lanjutan

14. Bagi Pelanggan yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan antara 1 Mei 2021 dan 30 Jun 2021 Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan pada 26 Julai 2021 melalui SMS

dan/atau e-mel sekiranya mereka terpilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan HLB/HLISB pada 31 Ogos 2021.

15. Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif dengan HLB sehingga 31 Ogos 2021. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
16. Pelanggan yang tidak memiliki mana-mana CASA/CASA-i dengan HLB dikehendaki membukanya sebelum 14 Ogos 2021 untuk membolehkan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i mereka dengan HLB.
17. Pemenang Pulangan Tunai berwajib untuk menghubungi HLB sebelum 15 September 2021 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.

Am

18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi HLB/HLISB. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web HLB (www.hlb.com.my) dan laman web HLISB (www.hlisb.com.my);
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat pada Klausa 1 - 5 yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
 - (iv) bahawa keputusan HLB tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (v) untuk memberi kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872(482772-D)), atau mana-mana vendor yang dilantik oleh HLB untuk menyediakan perkhidmatan SMS bagi Kempen ini;
 - (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada HLB termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan HLB sekiranya berlaku perubahan;
 - (vii) mengakses Laman Web Kempen di www.hlb.com.my/win50 (“**Laman Web Kempen**”) pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
19. HLB berhak:
 - (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen dan/atau halaman Media Sosial rasmi HLB; dan



- (ii) untuk membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, [Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect](#), Terma dan Syarat Am Akaun dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
20. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa [Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect](#) dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, [Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect](#) dan Terma dan Syarat Am Akaun, T&S Kempen yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.
21. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
22. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
23. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Versi 2.0 pada 1 Mei 2021